



الجامعة الوطنية
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

COMPASS

Compilation of Pahang Scholars' Synergy

Year 2011

ISSN 1985-9937



Pengukuhan Perilaku Positif Pelajar Berteraskan Amalan 5S

*Nor Hidayatun Abdul Razak
Musramaini Mustapha*

ABSTRAK

Artikel ini memberi fokus kepada pengukuhan perilaku positif di kalangan pelajar melalui amalan 5S. Ini merujuk kepada masalah vandalisme yang sering dilakukan oleh pelajar-pelajar universiti yang mana ia sepatutnya tidak berlaku di kalangan pelajar-pelajar yang berstatus siswazah. Untuk menangani masalah tersebut, pengukuhan perilaku positif berteraskan amalan 5S di kalangan pelajar perlu dilakukan secara meluas. Ini bersesuaian dengan konsep amalan 5S itu sendiri yang bertujuan untuk mendidik dan membentuk tingkah laku yang positif di kalangan pengamalnya. Pada masa yang sama ia akan mewujudkan persekitaran universiti yang bersih, selesa dan selamat. Untuk menjadikannya lebih berkesan, amalan 5S ini perlu dilakukan secara berperingkat dan berterusan.

Kata kunci: *Pengukuhan perilaku, perilaku positif, amalan 5S*

Pendahuluan

Permasalahan vandalisme di kalangan pelajar-pelajar universiti bukanlah satu perkara yang asing. Ia mungkin dianggap remeh dan biasanya kurang diberi perhatian yang sewajarnya. Ini menyebabkan permasalahan tersebut berterusan berlaku dan menjadi satu kebiasaan bagi pelajar-pelajar untuk melakukan vandalisme. Antara kesalahan vandalisme yang sering terjadi termasuk kegiatan menconteng dan merosakkan meja dan kerusi, meninggalkan bekas tapak kasut di dinding-dinding, membuang sampah merata-rata, merosakkan pintu-pintu bilik kuliah, alat bantu mengajar dan kemudahan-kemudahan lain yang disediakan untuk pelajar oleh pihak universiti. Apa yang jelas, kesan dari perbuatan tersebut akan menyebabkan imej universiti terjejas, meningkatkan kos

membaik pulih dan membeli barang ganti, memberi kesan kepada kualiti pengajaran dan pembelajaran dan seterusnya merendahkan mertabat pelajar-pelajar berstatus siswazah yang dilihat sebagai kurang bermoral. Untuk mengekang permasalahan tersebut dari terus berlaku, pihak universiti perlu menggunakan pendekatan yang berhemah dalam usaha mengubah perilaku negatif pelajar kepada perilaku yang positif. Oleh itu, dengan memberi pendedahan dan kefahaman tentang amalan persekitaran berkualiti 5S kepada para pelajar, ia akan dapat mengekang vandalisme dari terus berlaku dan seterusnya membantu pihak universiti dalam membentuk perilaku positif di kalangan pelajar-pelajar universiti. Untuk melihat sejauhmana idea pembentukan perilaku positif melalui amalan 5S ini diterima oleh pelajar, satu aktiviti gotong-royong 5S telah dijalankan oleh Fakulti Pengurusan Perniagaan (FPP) melibatkan pelajar bahagian satu Diploma Pengajian Perniagaan (BM111), Diploma Pengurusan Bank (BM112) dan pelajar Pra Perdagangan bagi mendapatkan maklumbalas awal pelajar-pelajar terhadap aktiviti pembentukan perilaku positif melalui amalan 5S.

Amalan 5S Sebagai Mekanisme Untuk Pengukuhan Perilaku Positif Pelajar


Pada asasnya, proses penerapan perilaku positif telah pun dimulakan di rumah oleh ibubapa pelajar-pelajar. Tugas-tugas seperti membersihkan rumah, menyusun atur barang, menjaga peralatan dengan baik dan bertanggungjawab terhadap barangan sendiri memang telah diterapkan di peringkat awal pendidikan perilaku positif di rumah. Proses penerapan perilaku positif tersebut seterusnya disambung oleh guru-guru di peringkat persekolahan. Bersesuaian dengan taraf pelajar yang meningkat dari pendidikan peringkat menengah ke peringkat universiti, proses penerapan itu seterusnya mesti diikuti dan dihayati dengan proses pengukuhan perilaku positif yang lebih konsisten. Ini merujuk kepada masalah-masalah vandalisme yang masih berlaku di kalangan pelajar yang berada di peringkat universiti yang mana memberi gambaran bahawa proses penerapan perilaku positif itu masih kurang berkesan.

Dalam konteks amalan persekitaran berkualiti 5S, semua individu adalah tukang sapu. Ini bukanlah bermaksud semua individu perlu memegang jawatan sebagai tukang sapu tetapi maksud yang sebenarnya di sini ialah setiap individu bertanggungjawab terhadap

kebersihan, keceriaan dan keselamatan di kawasan persekitaran masing-masing. Merujuk kepada Hamzah (2001), memang terdapat sebilangan individu yang amat mudah untuk membuat sampah secara mereka sedari atau tidak dan ianya merupakan satu kebiasaan bagi mereka untuk membiarkan sampah di merata-rata tempat termasuklah di bilik dan rumah mereka sendiri. Individu ini sememangnya telah lali dengan suasana yang bersepah-sepah yang menyebabkan mereka tidak merasa rimas atau tidak selesa bila berada di kawasan persekitaran yang tidak bersih dan teratur.



Gambar 1 : Sampul gula-gula dan kertas yang dikeluarkan dari celah-celah meja dan kerusi pada hari gotong-royong 5S dilaksanakan.



Gambar 2 : Meja yang diconteng oleh pelajar-pelajar di bilik kuliah.

Ini yang berlaku di kalangan sesetengah pelajar di universiti yang tidak mempunyai rasa malu atau bersalah apabila melakukan pembuangan sampah di merata-rata tempat dan juga melakukan vandalisme terhadap kemudahan-kemudahan yang disediakan oleh pihak universiti. Walaupun pelajar-pelajar ini telah diterapkan dengan perilaku positif di peringkat sekolah tetapi sebahagian daripada pelajar-pelajar ini masih lagi mengekalkan perilaku negatif tersebut. Hamzah (2001) turut menyatakan untuk mengubah corak hidup yang menjadi kebiasaan kepada seseorang individu adalah tidak mudah tetapi ia adalah tidak mustahil dan juga bergantung kepada masa dan kesedaran individu itu sendiri. Oleh itu, adalah menjadi tanggungjawab pihak universiti untuk meneruskan usaha mengukuhkan perilaku positif tersebut sebagai kesinambungannya dari usaha-usaha yang telah dilakukan oleh guru-guru di peringkat sekolah. Di samping itu, Nazli Ali (2005) berpendapat, dengan meneruskan amalan menjaga kebersihan persekitaran ini, kesihatan diri juga akan terjamin. Oleh yang demikian penting untuk setiap individu terutamanya pelajar-pelajar universiti turut serta dalam menghayati dan mengambil inisiatif untuk berperilaku positif.


Sepertimana yang dinyatakan sebelum ini, amalan persekitaran berkualiti 5S dapat membantu bagi mengekang masalah vandalisme dari terus berlaku. Ini sesuai dengan matlamat amalan 5S itu sendiri yang bertujuan menjaga kebersihan dan keselamatan sesebuah organisasi di

samping mewujudkan sebuah organisasi yang berkualiti. Selain dari itu juga, hasilnya nanti dapat dilihat dari segi penjimatan kos yang tinggi dan tahap kecekapan serta keberkesanan tugas yang cemerlang sekiranya dilaksanakan secara bersungguh-sungguh dan berterusan. Sehubungan dengan itu, tanggungjawab pihak universiti bukan sahaja untuk menghasilkan pelajar-pelajar yang cemerlang dan berjaya dari sudut akademik dan ko-kurikulum malah ia turut merangkumi menghasilkan pelajar-pelajar yang mempunyai perilaku yang positif, bertanggungjawab dan berdisiplin. Berteraskan amalan 5S, perilaku positif ini dapat dibentuk dengan adanya kerjasama dari semua pihak termasuklah dari pengurusan atasan, semua staf akademik dan bukan akademik serta mana-mana pihak yang mempunyai hubungkait dengan universiti. Kefahaman dan pelaksanaan amalan 5S perlulah dimulakan di semua bahagian di universiti yang melibatkan semua staf dan pelajar. Ini akan dapat membantu dalam pengukuhan perilaku positif yang benar-benar terkesan dari segi kefahaman dan amalan bagi semua pelajar yang terlibat. Ismail (2007) mengatakan tugas mendidik sebenarnya memerlukan pendedahan dan ia mesti dilakukan secara berperingkat-peringkat. Pihak universiti tidak boleh menggunakan jalan singkat atau melakukan sesuatu tindakan tanpa ada kefahaman dan penjelasan kenapa ia dilakukan. Pelbagai pengetahuan dan maklumat perlu diberi kepada pelajar supaya segala usaha yang dilakukan tidak sia-sia dan bukan sekadar melepaskan batuk ditangga. Pelajar-pelajar perlu diberikan semangat baru dan sentiasa digalakkan untuk berubah ke arah kebaikan serta mengukuhkan perilaku positif dalam diri masing-masing.

Maklumbalas Pelajar Terhadap Aktiviti 5S Bagi Tujuan Pembentukan Perilaku Positif

Bagi melihat maklumbalas pelajar terhadap keperluan amalan 5S bagi membentuk perilaku positif di kalangan pelajar-pelajar universiti, Fakulti Pengurusan dan Perniagaan telah mengadakan aktiviti gotong-royong 5S yang melibatkan aktiviti membersihkan kelas untuk pelajar-pelajar bahagian satu dari program Diploma Pengajian Perniagaan (BM111), Diploma Pengurusan Bank (BM112) dan pelajar Pra Perdagangan. Aktiviti ini turut disertai oleh pensyarah-pensyarah dari fakulti ini. Seramai 25 orang daripada pelajar yang terlibat dalam aktiviti amalan 5S

ini telah dijadikan responden untuk mendapatkan maklumbalas terhadap soal selidik yang telah diberi. Pelajar-pelajar ini diwakili oleh 19 orang pelajar perempuan dan 13 orang pelajar lelaki. Keseluruhannya, terdapat 7 orang pelajar dari program Diploma Pengajian Perniagaan (BM111) dan masing-masing 9 orang pelajar dari program Diploma Pengurusan Bank (BM112) dan Pra Perdagangan.



Rajah 1: Pengetahuan mengenai amalan 5S

Berdasarkan Rajah 1, sebanyak 80% daripada 25 orang pelajar mengakui mereka mempunyai pengetahuan tentang amalan 5S. Ini berdasarkan kepada maklumat-maklumat 5S yang diwar-warkan oleh pihak universiti dan juga apa yang pelajar-pelajar ketahui melalui pembacaan dan maklumat umum.

Soalan	Min	Sisihan Piawai
Aktiviti 5S bermanfaat untuk dipraktikkan.	3.72	.458
Aktiviti 5S patut diteruskan secara konsisten.	3.72	.458
Pihak UiTM perlu mengadakan aktiviti 5S untuk semua pelajar.	3.64	.569
Berminat untuk terlibat dengan aktiviti 5S pada masa akan datang.	3.44	.507
Aktiviti 5S mempengaruhi proses pembelajaran di dalam kelas dengan lebih baik.	3.96	.200

Rajah 2: Amalan 5S membudayakan perilaku positif pelajar

Rajah 2 pula menjurus kepada persoalan mengenai amalan 5S dalam membentuk perilaku positif pelajar. Analisa dibuat dengan menggunakan skala likert 1 untuk sangat tidak bersetuju, 2 untuk tidak setuju, 3 untuk setuju dan 4 untuk sangat bersetuju. Hasil dapatan soalselidik menunjukkan min yang sangat konsisten kepada bersetuju dan sangat bersetuju kerana ia melebihi skala 3. Min tertinggi adalah 3.96 dan sisihan piawai .200 daripada hasil dapatan adalah berkaitan yang mana ia menunjukkan dengan melakukan amalan 5S ini, ia dapat memberikan keselesaan dan keselamatan serta boleh mempengaruhi proses pembelajaran di dalam kelas. Min terendah daripada hasil dapatan adalah 3.44 dan sisihan piawai .507 menunjukkan kaitan iaitu pelajar berminat untuk terlibat dengan aktiviti 5S pada masa yang akan datang. Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa hasil dapatan soal selidik menunjukkan adanya maklumbalas yang positif terhadap aktiviti amalan 5S yang cuba diterapkan di kalangan pelajar dalam usaha untuk membentuk perilaku yang positif.

Aktiviti-aktiviti Pengukuhan Perilaku Positif berteraskan Amalan 5S

Umumnya, amalan 5S dilakukan untuk tujuan menjadikan sesebuah organisasi itu sebagai sebuah organisasi yang berkualiti. Oleh itu, untuk menjadikan sesebuah universiti itu berkualiti, amalan 5S itu perlu dilakukan berdasarkan aktiviti-aktiviti yang biasa dilakukan dalam amalan persekitaran berkualiti 5S. Ini merujuk kepada aktiviti sisih, susun, sapu, seragam dan sentiasa amal.

Di antaranya aktiviti-aktiviti yang melibatkan aktiviti sisih, susun, sapu, seragam dan sentiasa amal ini ialah aktiviti-aktiviti seperti gotong-royong perdana, ceramah-ceramah 5S, kempen-kempen kebersihan, gotong-royong mingguan, pertandingan-pertandingan 5S serta bengkel-bengkel pemurnian 5S di kalangan pelajar. Aktiviti-aktiviti ini perlu dilaksanakan secara kerap untuk memastikan pelajar-pelajar sentiasa diingatkan dan seterusnya mengamalkan aktiviti-aktiviti tersebut. Untuk lebih berkesan, sesetengah aktiviti itu perlu dilakukan pada setiap hari. Pemantauan yang berterusan juga perlu dilakukan bagi memastikan amalan 5S itu bukan hanya dibuat pada satu-satu ketika sahaja tetapi diamalkan selalu oleh semua pelajar. Berdasarkan andaian, apa sahaja yang dilakukan secara kerap dan berterusan akan menjadi satu kebiasaan. Oleh itu, ia dapat membantu dalam menambahbaik dan mengukuhkan nilai-nilai murni sedia ada dalam diri pelajar untuk terus diamalkan walau di mana mereka berada sayugia setelah tamat pengajian.

Untuk aktiviti gotong-royong, ia perlu dilakukan sekurang-kurangnya 2 kali setahun di mana adalah menjadi kebiasaan di mana-mana universiti, para pelajar yang telah habis pengajian akan meninggalkan kampus dan pelajar-pelajar baru akan menggantikan tempat-tempat mereka. Oleh itu, adalah penting untuk pelajar-pelajar baru ini menyertai aktiviti gotong-royong di peringkat awal supaya mereka memahami keperluan aktiviti tersebut yang akan mempengaruhi sesi pengajaran dan pembelajaran di bilik kuliah. Keadaan bilik kuliah yang bersih, tersusun dan selesa akan menjadikan suasana pembelajaran lebih seronok dan ceria.

Kempen-kempen 5S iaitu memberi penerangan tentang keperluan dilaksanakan aktiviti-aktiviti itu dari sudut agama dan dari sudut kemanusiaan. Dengan adanya pendedahan dari pelbagai sudut tentang keperluan menjaga kebersihan, pelajar-pelajar akan lebih cenderung untuk melakukan amalan 5S bermotifkan kebersihan. Tidak ketinggalan dari segi ceramah di mana perlu dijemput penceramah-penceramah luar yang mempunyai kepakaran dalam bidang 5S dan juga motivasi untuk menambahkan kefahaman mereka untuk melaksanakan

aktiviti 5S.

Pertandingan-pertandingan melukis logo, pidato, keceriaan bilik kuliah dan lain-lain yang boleh menggalakkan penyertaan pelajar-pelajar disertai dengan ganjaran yang menarik akan dapat memotivasikan seseorang pelajar untuk melakukan sesuatu dengan lebih baik lagi apabila sumbangannya dihargai.

Penubuhan Rakan Kampus bagi membantu melaksanakan aktiviti 5S dalam memberi teguran, memantau kebersihan kampus dan membuat laporan tentang perilaku negatif yang mencemar kebersihan dan keselesaan persekitaran universiti akan sedikit sebanyak memberi kesan kepada pelajar yang terlibat supaya tidak mengulang perbuatan yang negatif yang memburukkan imej universiti.

Terdapat pelbagai cara lagi boleh digunakan bagi memastikan perilaku positif ini dapat dilaksanakan dan memberi kesan yang positif kepada perilaku pelajar-pelajar. Walau bagaimanapun, semua aktiviti ini perlu diterangkan secara mendalam dari segi mengapa ia perlu dilakukan, bagaimana untuk dilakukan dan apakah hasilnya setelah dilakukan serta apa pula kesannya jika dilakukan secara berterusan. Ini adalah penting untuk memastikan pelajar-pelajar tidak salah faham terhadap matlamat yang hendak dicapai oleh pihak universiti dan sumbangannya kepada individu, universiti dan masyarakat sekeliling.

Halangan Kepada Keberkesanan Amalan 5S Untuk Pengukuhan Perilaku Positif Pelajar

Dalam melakukan sesuatu perkara, adalah menjadi kebiasaan untuk mendapat tentangan dari sebilangan kumpulan. Tentangan ini datang dari pelbagai sudut. Di peringkat awal, pelaksanaan 5S secara menyeluruh di kalangan pelajar mungkin akan menimbulkan rasa kurang senang sesetengah pelajar. Terdapat sebilangan pelajar yang mungkin merasakan bukan menjadi tanggungjawab mereka untuk menjaga kebersihan persekitaran universiti. Ada juga yang merasakan tugas-tugas menjaga kebersihan tersebut adalah tanggungjawab tukang sapu yang diamanahkan untuk melaksanakan tugas-tugas tersebut. Pada masa yang sama, mungkin terdapat pelajar-pelajar yang merasakan aktiviti tersebut tidak penting untuk dilaksanakan, sukar atau malas untuk melaksanakannya dan ada yang tidak ambil peduli langsung. Ini merupakan tentangan-tentangan yang akan dihadapi dalam melaksanakan

aktiviti-aktiviti pengukuhan perilaku positif ini. Walaubagaimanapun, ia tetap perlu dilaksanakan bagi memastikan matlamat universiti untuk menghasilkan graduan yang cemerlang bukan hanya pada akademik tetapi juga cemerlang dari segi perilaku yang positif.

Kesimpulan

Untuk memastikan pengukuhan perilaku positif itu dapat dilaksanakan, penglibatan dari semua pihak amatlah penting. Sokongan pihak atasan, penglibatan staf akademik dan bukan akademik serta pihak-pihak lain yang berurusan dengan universiti turut memberi kesan yang besar kepada pengukuhan perilaku positif di kalangan pelajar. Selain dari itu, ia secara tidak langsung turut memberi impak kepada imej universiti sebagai sebuah universiti yang bersih, selesa dan selamat bukan sahaja kepada semua warga universiti malah kepada orang awam yang berkunjung ke universiti. Amalan 5S adalah kesinambungan kepada perilaku positif yang diterapkan oleh ibu bapa dan guru-guru sekolah yang perlu diberi nafas baru untuk tujuan pemurniaan yang lebih konsisten terhadap pembentukan perilaku positif. Dengan penerimaan positif pelajar terhadap aktiviti yang dijalankan diharap amalan 5S ini dapat dijadikan satu budaya dan dipraktikkan oleh semua pihak yang terlibat dengan lebih proaktif.

Rujukan

Hamzah, R. K. (2001). *Teknik Dan Strategi Membimbing Remaja Berbudaya Positif*. Kuala Lumpur: PTS Publications & Distributors Sdn Bhd.

Ismail, A. M. (2007). *Penyediaan Diri Ke Arah Pembentukan Modal Insan*. Shah Alam: KARISMA PUBLICATIONS SDN. BHD.

Kursus Amalan Persekitaran Yang Berkualiti 5S, Untuk Fasilitator dan Ketua Program 5S UiTM Pahang, Nazri Kulup Mahmud, AMP, 11 – 12 Jun 2010

Nazli Ali (2005). *Fakta dan Perbincangan*. Selangor. Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Nor Hidayatun Binti Abdul Razak, Fakulti Pengurusan Perniagaan, UiTM Pahang. norhidayatun@pahang.uitm.edu.my

Musramaini Binti Mustapha, Fakulti Pengurusan Perniagaan, UiTM Pahang. musra_08@oahang.uitm.edu.my